

NO. SOALAN: 62

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI DR. HAJI IRMOHIZAM BIN HAJI
IBRAHIM [KUALA SELANGOR]**

TARIKH : 8 OGOS 2017 (SELASA)

RUJUKAN : 10052

SOALAN :

Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam Bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah pihak Kerajaan akan mengkaji semula Perkara 24, Perlembagaan Persekutuan iaitu pelucutan kewarganegaraan kerana memperoleh atau menggunakan kewarganegaraan asing bagi memperkasakan kedaulatan negara dan kesetiaan warganegaraanya berikutan terdapat rakyat negara ini yang memiliki kewarganegaraan negara asing.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Perkara 24 Perlembagaan Persekutuan merujuk kepada kesalahan yang dilakukan seseorang warganegara Malaysia yang memperoleh atau menggunakan kewarganegaraan negara asing. Peruntukan tersebut adalah cukup berkesan dalam memberikan kuasa kepada Kerajaan melalui Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) untuk melaksanakan tindakan pelucutan kewarganegaraan kepada individu yang didapati bersalah.

Bagi memantapkan penguatkuasaan perundangan dan dasar Kerajaan Malaysia yang tidak mengiktiraf dwi kewarganegaraan, Kementerian ini mengalu-alukan kerjasama daripada semua pihak sama ada agensi Kerajaan atau orang perseorangan dalam melaporkan pemilikan dwi kewarganegaraan. Dalam hal ini, dinasihatkan agar laporan yang dikemukakan perlulah mengandungi butiran mengenai individu yang dilaporkan serta bukti-bukti yang relevan bagi membantu siasatan lanjut oleh JPN. Laporan yang tidak disertakan dengan bukti akan menyukarkan siasatan, menyebabkan fail kes tidak kukuh dan seterusnya tindakan pelucutan kewarganegaraan tidak dapat dijalankan.